

# FIQH AL-SIRAH DAN FUNGSINYA DALAM PENERAPAN PENGAJARAN DAN IKTIBAR DARIPADA SIRAH NABAWIYAH PADA ZAMAN MODEN

***FIQH AL-SIRAH AND ITS FUNCTION IN THE APPLICATION OF  
HIGHLIGHTS AND LESSONS FROM THE PROPHETIC HISTORY IN  
THE MODERN ERA***

**Mohd Arubi Ismail<sup>1\*</sup>**

**Ahmad Bazli Ahmad Hilmi<sup>2</sup>**

**Musa Mohamad<sup>3</sup>**

**Mohd Zamrus Ali<sup>4</sup>**

**Rossidi Usop<sup>5</sup>**

<sup>1</sup> Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: arubiismail@usim.edu.my)

<sup>2</sup> Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: ahmadbazli@usim.edu.my)

<sup>3</sup> Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: musa86@usim.edu.my)

<sup>4</sup> Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: zamrus@usim.edu.my)

<sup>5</sup> Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: rossidi@usim.edu.my)

\*Corresponding author: arubiismail@usim.edu.my

## Article history

**Received date** : 19-6-2025

**Revised date** : 20-6-2025

**Accepted date** : 25-7-2025

**Published date** : 15-8-2025

## To cite this document:

Ismail, M. A., Ahmad Hilmi, A. B., Mohamad, M., Ali, M. Z., & Usop, R. (2025). Fiqh Al-Sirah dan fungsinya dalam penerapan pengajaran dan iktibar daripada Sirah Nabawiyah pada zaman moden. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 182 - 200.

**Abstrak:** Bermula kurun ke-20 Masihi, satu istilah baru muncul dalam penulisan berkaitan Sirah Nabi S.A.W, iaitu *Fiqh al-Sirah*. Berbeza dengan penulisan sebelumnya, karya-karya yang menggunakan tema *Fiqh al-Sirah* dan yang seumpamanya banyak mengetengahkan elemen pengajaran, iktibar, hukum, dan sebagainya dalam membentangkan Sirah Nabawiyah dalam konteks semasa. Melihat kepada anjakan baru dalam penulisan yang terdapat dalam *Fiqh al-Sirah*, satu eksplorasi perlu dilakukan bagi menjelaskan hakikat ilmu ini. Justeru, kajian ini membincangkan definisi, konsep, corak penulisan dan fungsi *Fiqh al-Sirah*. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan memfokuskan analisis kandungan teks bagi sumber-sumber berkaitan *Fiqh al-Sirah*. Data-data dikumpul dan dianalisis menggunakan kaedah induktif bagi mengenal pasti definisi, konsep, corak penulisan dan fungsi *Fiqh al-Sirah* dalam mengetengahkan pengajaran dan iktibar daripada Sirah Nabawiyah untuk diaplikasikan dalam dunia kontemporari. Dapatkan kajian merumuskan bahawa *Fiqh al-Sirah* bukan sekadar kajian berkenaan sejarah Nabi S.A.W semata-mata, tetapi satu gagasan ilmu yang menekankan pemahaman secara mendalam terhadap prinsip-prinsip dan panduan praktikal dalam pelbagai

aspek kehidupan. Terdapat tiga corak utama penulisan *Fiqh al-Sirah* iaitu analisis keseluruhan Sirah Nabawiyah, tematik dan perbandingan. *Fiqh al-Sirah* berfungsi sebagai medium mengangkat Nabi S.A.W sebagai ikutan manusia di zaman moden, mengetengahkan nilai-nilai tamadun, mengemukakan panduan menghadapi cabaran zaman kontemporari, memperjelas hakikat Islam dan menangkis serangan terhadapnya, serta mengangkat Sirah Nabi S.A.W sebagai rujukan dalam membina dasar dan polisi. Artikel ini menyumbang kepada pemahaman lebih luas terhadap relevansi Sirah Nabawiyah sebagai panduan hidup yang holistik di zaman moden.

**Kata Kunci:** *Fiqh al-Sirah, Fungsi Fiqh al-Sirah, Sirah Nabawiyah, pengajaran dan iktibar, aplikasi kontemporari.*

**Abstract:** Starting from the 20<sup>th</sup> century AD, a new term emerged in writings related to the Sirah of the Prophet S.A.W, namely *Fiqh al-Sirah*. Unlike before, works that use the theme of *Fiqh al-Sirah* and the similar terms emphasize elements of teaching, lessons, laws, and so on in presenting the Sirah of the Prophet P.B.U.H in a contemporary context. Looking at the new shift in writing found in *Fiqh al-Sirah*, an exploration needs to be conducted to clarify the essence of this knowledge. Therefore, this study discusses the definition, concept, writing style, and function of *Fiqh al-Sirah*. The researchers use a qualitative approach through text analysis of sources related to *Fiqh al-Sirah*. Data were collected and analysed using the inductive method to identify the definitions, concepts, writing patterns, and functions of *Fiqh al-Sirah* in underlining the highlights and lessons from the Sirah of the Prophet P.B.U.H to be applied in the contemporary world. The study's findings conclude that *Fiqh al-Sirah* is not merely a study of the history of the Prophet P.B.U.H, but rather a scholarly concept that emphasizes a deep understanding of principles and practical guidelines in various aspects of life. There are three main patterns of writing in *Fiqh al-Sirah*, namely the overall analysis of Prophetic biography, thematic, and comparative. *Fiqh al-Sirah* is a medium to introduce the Prophet P.B.U.H as a model for humanity in the modern era, highlighting the values of civilization for the human society, providing the guidance to encounter challenges of the modern time, clarifying the nature of the Islam and countering attacks against it, and promoting the Prophet's biography as a reference in formulating of policies and principles. This article contributes to a broader understanding of the relevance of the Prophetic history as a holistic guidance of life in the modern era.

**Keywords:** *Fiqh al-Sirah, functions of Fiqh al-Sirah, life of the Prophet, highlights and lessons, contemporary application.*

## Pengenalan

Mempelajari dan mengkaji Sirah Nabi Muhammad S.A.W adalah satu tuntutan ke atas setiap individu Muslim. Hal ini kerana, Nabi S.A.W merupakan teladan bagi seluruh umat Islam sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran melalui firman-Nya:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah S.A.W itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah S.W.T dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah S.W.T banyak-banyak”. (al-Ahzāb: 21)

Rentetan dari perintah Allah S.W.T ini, Sirah Nabawiyah sebagai ilmu yang memfokuskan perbahasan berkenaan sejarah hidup serta perjuangan Rasulullah S.A.W mendapat perhatian sepenuhnya dalam kalangan umat Islam semenjak zaman Sahabat R.A, Tabiin, Tabi' al-Tabiin sehingga zaman ini. Sejarah hidup Rasulullah S.A.W direkod dan diriwayatkan secara terperinci bermula sejarah kelahiran sehingga kewafatan. Sirah Nabi S.A.W dijadikan sebagai silius utama dalam proses pendidikan semasa generasi awal Islam seperti yang diungkapkan oleh generasi muda dalam kalangan Tabiin, antaranya ialah Ali bin al-Husain R.A bin Ali K.W dilaporkan sebagai berkata:

"كُنَا نُعَلَّمُ مَعَازِي النَّبِيِّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- وَسَرَايَاهُ كَمَا نُعَلَّمُ السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ"

Terjemahan: “Kami diajar berkenaan ilmu peperangan Nabi S.A.W (Sirah) sebagaimana kami diajar surah daripada al-Quran”. [al-Baghdadi, al-Jāmī’ Li Akhlāk al-Rāwi, no. 1591].

Jelas melalui kenyataan tersebut bahawa pengajian Sirah Nabi S.A.W diberi penekanan sebagaimana pengajian al-Quran. Perkara yang sama diperakui oleh Ismail bin Muhammad bin Sa’ad bin Abi Waqqas R.A dengan katanya:

"كَانَ أَبِي يُعَلِّمُنَا مَعَازِي رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- وَيَعْدُهَا عَلَيْنَا وَسَرَايَاهُ وَيَقُولُ: يَا بْنَيَّ! هَذِهِ مَأْثُورَاتُ آبَائِكُمْ فَلَا تَضِيِّعُو ذَكْرَهَا"

Terjemahan: “Ayahku mengajarkan kami ilmu peperangan Rasulullah S.A.W dan mengulangnya satu demi satu, dan beliau berkata: Ini adalah kemuliaan turun temurun daripada datuk nenek kamu, maka janganlah menghilangkan kenangannya!”. [al-Baghdadi, al-Jāmī’ Li Akhlāk al-Rāwi, no. 1590].

Sirah Nabi S.A.W adalah sebahagian daripada komponen agama Islam dan mempelajarinya amat penting bagi umat Islam. Menurut al-Zaid (2003), kepentingan mempelajari Sirah Nabawiyah dirumuskan dalam beberapa perkara, antaranya:

1. Mengetahui Sirah Nabawiyah adalah prasyarat untuk mengikuti Baginda S.A.W dengan matlamat menjadikan Baginda S.A.W sebagai contoh ikutan yang baik. Ringkasnya, mengenali peribadi Nabi Muhammad S.A.W melalui pengajian Sirah Nabi S.A.W mendorong umat Islam mencintai, memuliakan dan mengikuti Baginda S.A.W.

2. Mempelajari Sirah Nabawiyah membantu memberikan kefahaman yang jelas tentang maksud ayat-ayat al-Quran. Hal ini demikian kerana banyak ayat-ayat al-Quran diturunkan disebabkan oleh peristiwa-peristiwa tertentu yang berlaku dalam kehidupan Nabi S.A.W.
3. Sirah Nabi Muhammad S.A.W adalah pelaksanaan praktikal berkaitan ajaran Islam. Sesiapa yang ingin mengenali hakikat Islam yang sebenar maka hendaklah meneliti Sirah Nabi S.A.W.
4. Sirah Nabawiyah mengandungi ilmu-ilmu Islam yang terdiri daripada akidah, syariat, akhlak, dakwah dan sebagainya.
5. Sirah Nabawiyah mengandungi rahsia-rahsia berkaitan kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Berkennaan perkara ini, Imam al-Zuhri berkata: “Sesungguhnya pada ilmu Sirah Nabi S.A.W itu terdapat kebaikan dunia dan akhirat” (al-Halabi, 2006).

Dalam tradisi keilmuan Islam, istilah ‘Ilm al-Sirah (علم السیرة), ‘Ilm al-Siyar (علم السیار) atau ‘Ilm al-Maghazi (علم المغایز) secara umumnya digunakan bagi merujuk kepada gagasan ilmu pengetahuan yang membicarakan garis masa kehidupan Nabi Muhammad S.A.W, peristiwa-peristiwa yang berkaitan Baginda S.A.W bermula peristiwa kelahiran sehingga kewafatan. Pada zaman awal penulisan Ilmu Sirah, pendekatan yang digunakan oleh ulama’ Islam di dalam karya-karya mereka ialah metode mengumpulkan kisah-kisah berkaitan Nabi S.A.W dengan disertakan sanad tanpa sebarang analisis atau huraihan. Metode ini berterusan dalam tempoh yang panjang sehingga muncul pendekatan baru dalam menyampaikan Sirah Nabawiyah kepada pembaca yang dicetuskan oleh Ibnu Qayyim al-Jauziah (1292-1350M/691-751H) melalui karyanya “*Zād al-Ma ’ād fī Hadyī Khair al- ’Ibād*”. Pendekatan baru ini berbeza dengan pendekatan sebelumnya kerana disamping pertanggungan kisah-kisah atau peristiwa-peristiwa Sirah Nabawiyah, terdapat juga elemen pengajaran, panduan serta petunjuk yang dirumuskan daripada peristiwa-peristiwa tersebut (Ibrahim, 2015).

Bermula kurun ke-20 Masihi, satu istilah baru mula muncul dalam penulisan dan wacana berkaitan sejarah hidup Nabi S.A.W, iaitu Fiqh al-Sirah (فقه السیرة). Karya-karya yang menggunakan tema Fiqh al-Sirah atau istilah-istilah yang seumpamanya dilihat banyak mengetengahkan elemen analisis, pengajaran, iktibar, panduan hukum hakam, dan sebagainya dalam membentangkan sejarah hidup Nabi S.A.W. Gaya penulisan sebegini dianggap penerus atau kesinambungan pendekatan yang telah diperkenalkan oleh Ibnu Qayyim sebelumnya (Ibrahim, 2015; Sertkaya, 2022; 2023).

Justeru, secara zahirnya terdapat perbezaan metodologi antara penulisan karya-karya Sirah dan karya-karya Fiqh al-Sirah yang muncul kemudiannya. Oleh yang demikian, penulis berpendirian bahawa Fiqh al-Sirah perlu didefinisikan secara berasingan atau berbeza dengan Ilmu Sirah. Fiqh al-Sirah merupakan pendekatan baharu dalam mengetengahkan Sirah Nabi S.A.W kepada masyarakat. Pendekatan ini dilihat berupaya memugar kembali pengajian Sirah Nabi S.A.W dalam dunia kontemporari bertepatan dengan hikmah dan tujuan pengutusan Baginda S.A.W sebagai pedoman kepada sekalian umat manusia sepanjang masa sehingga akhir zaman.

Kajian ini berusaha meneroka definisi dan konsep Fiqh al-Sirah. Definisi yang dikemukakan merangkumi dua kategori iaitu etimologi dan terminologi. Selain definisi, konsep Fiqh al-Sirah juga perlu diperjelaskan dengan lengkap beserta contoh praktikal dari karya-karya yang terpilih. Kajian ini juga menyentuh dua istilah yang mempunyai persamaan dengan konsep Fiqh al-

Sirah, iaitu Fikr al-Sirah dan *Sirah Philosophy/Siyer Felsefesine* bertujuan melihat sejauhmana hubungkait antara istilah-istilah ini. Penulisan Fiqh al-Sirah mempunyai beberapa corak persembahan bergantung kepada tujuan dan fokus penulisnya. Oleh itu, kajian ini cuba memuatkan perbincangan berkaitan corak-corak penulisan dan karya-karya terpilih berkaitan dengan setiap corak tersebut. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan perbincangan tentang fungsi penulisan dan kajian berkaitan Fiqh al-Sirah dalam mengetengahkan pengajaran dan iktibar daripada Sirah Nabawiyah dalam konteks dunia kontemporari.

### Sorotan Literatur

Kertas kajian Aroos dan Shehu (2024) bertajuk “*A Historical Exploration of the Selected Writing Trends on As-Sīrah An-Nabawiyah (Prophetic Biography) from the First Century of Islam to the Contemporary Times*” meneliti aliran atau kecenderungan dalam penulisan Sirah Nabawiyah dari abad pertama Islam hingga era kontemporari. Para penyelidik menekankan pendekatan sejarah terhadap karya-karya terpilih dan mendapati bahawa pada setiap zaman terdapat kecenderungan dalam penulisan bergantung kepada tuntutan dan isu-isu pada masa tersebut. Dapatkan kajian menggambarkan bahawa pendekatan Fiqh al-Sirah muncul di era moden dengan tiga corak utama penulisan iaitu retorik (kalāmī), falsafah (falsafī) dan sosial (ijtimā’ī).

Suleyman Sertkaya (2022), melalui kajiannya bertajuk “*A Critical and Historical Overview of the Sīrah Genre from the Classical to the Modern Period*” menganalisis pendekatan dalam penulisan Sirah Nabi S.A.W dari era klasik sehingga zaman moden. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa karya-karya klasik tertumpu kepada catatan biografi secara kronologi, peperangan, gambaran fizikal dan akhlak Nabi S.A.W, serta bukti kenabian dan mukjizat. Pendekatan ini terus berkembang dengan berlaku penambahbaikan dari sudut metodologi dan skop penulisan sehinggalah munculnya pendekatan Fiqh al-Sirah yang memberikan sumbangan yang signifikan terhadap perkembangan penulisan Sirah Nabawiyah dari aspek metodologi dan pendekatan interpretatif di zaman kontemporari. Menurut pengkaji, Fiqh al-Sirah adalah sumbangan yang bersifat inovatif dalam meneroka dimensi baharu, dengan menawarkan kerangka pemahaman Sirah Nabawiyah yang relevan dalam mendepani cabaran dan realiti semasa.

Dalam kajian bertajuk “*Al-Tajdīd al-Maqāsidi fī Dirāsati al-Sīrah al-Nabawiyah wa Hatmiah Rabtiha bi Tahaddiyāt al-Wāqi*”, Dr. Hassan al-Sadiq Ahmad al-Markhi (2023) menekankan keperluan memperbaharui pendekatan dan matlamat dalam mengkaji Sirah Nabi S.A.W. Beliau berpendapat bahawa Sirah Nabi S.A.W harus dipelajari sebagai sumber hidayah yang sentiasa relevan, yang menghubungkan masa lampau dan realiti semasa melalui penggalian makna, hikmah dan matlamat. Pengkajian Sirah Nabawiyah yang hanya bersifat literal dan menumpukan kepada peperangan semata-mata, menurut beliau, akan menimbulkan persepsi negatif bahawa Sirah Nabi S.A.W adalah tidak realistik dan punca yang mencetuskan keganasan. Kajian ini, walaupun tidak memfokuskan Fiqh al-Sirah secara eksplisit, namun idea yang diketengahkan adalah selari dengan konsep dan matlamat yang terdapat dalam Fiqh al-Sirah.

Kajian oleh Muhammad Yusri Ibrahim (2015) yang bertajuk “*Nahw Tahdīd Manhaji li ‘Ilm al-Sīrah al-Nabawiyah al-Kāmilah*” membahaskan tentang metodologi ilmu Sirah Nabawiyah dari aspek definisi, kandungan, nama-nama, kaitannya dengan ilmu-ilmu lain serta cadangan pengembangan ilmu ini. Pengkaji turut menyentuh sejarah kemunculan Fiqh al-Sirah sebagai satu pendekatan baru penulisan Sirah Nabawiyah pada zaman moden yang memperlihatkan

terdapat unsur interpretasi atau komentar terhadap peristiwa dalam bentuk pengajaran, faedah, hukum, hikmah dan seumpamanya berkaitan pelbagai aspek kehidupan. Beliau membahagikan corak penulisan Fiqh al-Sirah kepada tiga bentuk, iaitu analisis keseluruhan, kajian tematik dan kajian perbandingan.

Sementara itu, karya Muhammad Yusri Ibrahim (2008) yang lebih awal bertajuk “*Al-Tajdīd fi ‘Ard al-Sirah al-Nabawiyah: Maqāsiduh wa Asālibuh*” membincangkan isu pembaharuan dalam membentangkan Sirah Nabi S.A.W supaya kekal relevan dan sesuai untuk memenuhi keperluan semasa umat Islam di zaman moden. Beliau mengemukakan tujuan dan panduan syarak dalam menyampaikan Sirah Nabawiyah. Beliau juga menegaskan pentingnya pembaharuan ini dikawal oleh garis panduan seperti memastikan kesahihan riwayat, penghormatan terhadap Nabi S.A.W, serta pengukuhan unsur ghaib dan mukjizat dalam Sirah Nabawiyah. Walaupun tidak menyentuh Fiqh al-Sirah secara spesifik, kajian ini menyumbang kepada pembinaan konsep Fiqh al-Sirah dari sudut tujuan dan garis panduan.

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibincangkan, jelas bahawa kajian berkaitan Fiqh al-Sirah dan fungsinya dalam mengetengahkan pengajaran dan iktibar daripada Sirah Nabi S.A.W pada zaman kontemporari adalah sangat penting dan relevan dalam kerangka keilmuan semasa. Ini kerana, penulisan Sirah Nabawiyah telah mengalami perkembangan dari pendekatan naratif kronologi semata-mata kepada pendekatan yang lebih analitik, reflektif dan kontekstual. Kemunculan Fiqh al-Sirah sebagai pendekatan moden merupakan satu anjakan baru dalam memahami Sirah Nabawiyah sebagai bukan sekadar sejarah, tetapi sebagai sumber pengajaran dan panduan hidup yang sesuai dengan realiti semasa. Namun begitu, penerangan mengenai konsep Fiqh al-Sirah sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri masih terhad dan belum mencapai tahap yang sempurna. Tambahan pula, aspek peranan dan fungsi ilmu ini dalam dunia moden juga belum dibincangkan secara mendalam.

### Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah perancangan umum tentang bagaimana penyelidikan yang akan dilaksanakan dapat menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menghasilkan dapatan-dapatan yang berkualiti (Piaw, 2014). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berfokus kepada analisis kandungan teks. Sumber utama kajian tertumpu kepada karya-karya utama bertemakan Fiqh al-Sirah yang dikarang oleh tokoh-tokoh dalam bidang ini seperti Ibnu Qayyim, Al-Ghazali, al-Buti, al-Shallabi dan lain-lain. Di samping itu, analisis juga dilakukan terhadap kandungan tesis, kajian ilmiah dan artikel jurnal berkaitan dengan Fiqh al-Sirah. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti definisi, konsep, corak penulisan dan fungsi Fiqh al-Sirah dalam mengetengahkan pengajaran dan iktibar daripada Sirah Nabawiyah untuk diaplikasikan dalam konteks dunia moden. Dari aspek analisis data, pengkaji menggunakan kaedah induktif. Melalui kaedah ini, penyelidikan dilakukan terhadap data-data yang dikumpul sebelum membuat generalisasi teori dan rumusan konsep (Nik Mat et al., 2021). Kaedah induktif dipilih kerana pengkaji meneliti pelbagai teks daripada karya-karya, kajian-kajian ilmiah dan artikel-artikel berkaitan Fiqh al-Sirah terlebih dahulu, kemudian merumuskan dapatan umum berkaitan dengan aspek yang dikaji.

## Dapatan Kajian

### Definisi Fiqh al-Sirah

Perbahasan tentang definisi sesuatu perkara dalam perbahasan ilmu Islam kebiasaannya dikategorikan kepada dua sudut, iaitu etimologi (bahasa) dan terminologi (istilah). Oleh itu, pendekatan yang sama digunakan disini dalam membahaskan definisi Fiqh al-Sirah.

#### Fiqh al-Sirah dari Sudut Etimologi

Fiqh al-Sirah merupakan gandingan dua perkataan iaitu Fiqh (فقه) dan al-Sirah (السيرة).

Perkataan al-Fiqh (فقه) dari sudut bahasa berasal dari kata akar فَقَهَةٌ/فَقَهَةٌ يَفْقَهُ فِيهَا atau فَقَهَةٌ (‘Umar, 2008). Terdapat beberapa pengertian bagi al-Fiqh, antaranya ialah mengetahui sesuatu dan memahaminya, kefahaman, dan kebijaksanaan (Ibnu Manzur, 1994). Selain itu, ia juga bermaksud memahami maksud disebalik ucapan penuturnya. Menurut al-Syirazi (1987) pula, al-Fiqh bererti apa yang terperinci dan tersirat. Ahli-ahli syair pada zaman jahiliah dinamakan Fuqaha’ (فُقَهَاءٌ) kerana mereka memahami makna tersirat dan hikmah kebijaksanaan yang terdapat disebalik syair-syair, sedangkan perkara itu tidak difahami oleh orang lain.

Manakala, al-Sirah pula berasal dari kata akar سَارَ يَسِيرُ سَيْرًا سَيْرَةً (‘Umar, 2008). Al-Sirah mempunyai beberapa maksud, antaranya laluan, jalan yang dilalui, bentuk atau rupa, serta bekalan perjalanan iaitu barang yang disimpan untuk permusafiran seperti makanan dan sebagainya (al-Zabidi, t.t). Maksud lain bagi al-Sirah ialah keadaan atau situasi, sama ada keadaan manusia atau selainnya, baik atau buruk (al-Asfahani, 2003).

#### Fiqh al-Sirah dari Sudut Terminologi

Fiqh al-Sirah dari sudut terminologi adalah berbeza dengan al-Sirah. Al-Sirah bermaksud “Sejarah kehidupan Nabi S.A.W yang mulia dari kelahiran sehingga kewafatan serta perkara-perkara berkaitannya seperti kebangkitan, dakwah kepada Allah S.W.T, peperangan, juga termasuk perkataan, perbuatan, perakuan, akhlak, bentuk fizikal dan sebagainya” (al-Ghawri, 2016). Umumnya, al-Sirah ialah ilmu yang mengkhususkan perbincangan berkaitan segala aspek sejarah kehidupan Nabi S.A.W secara lengkap dan menyeluruh. Nama-nama lain yang digunakan bagi merujuk kepada ilmu ini ialah al-Sirah al-Nabawiyyah (السيرة النبوية), ‘Ilm al-Siyar (علم السیار) dan ‘Ilm al-Maghazi (علم المغازي) yang bermaksud peperangan-peperangan Nabi S.A.W (Ibrahim, 2008).

Manakala bagi Fiqh al-Sirah, terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh para pengkaji, iaitu:

1. Radi (t.t) mendefinisikannya sebagai: “Pemerhatian dan renungan terhadap peristiwa-peristiwa berkaitan Sirah Nabi S.A.W semenjak kelahiran sehingga kewafatan, dengan tujuan mengeluarkan pedoman dan pengajaran daripadanya”.
2. Ibrahim (2015) pula menyatakan bahawa ilmu Fiqh al-Sirah ialah: “Naratif tentang Sirah Nabi S.A.W secara turutan sejarah dan memberi komentar terhadapnya dengan menyelidik pelbagai pengajaran berkaitan kehidupan, dakwah, hukum fekah dan pendidikan”.

3. Panel penggubal silibus subjek Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah Universiti Ummu al-Qura, Arab Saudi, mengemukakan dua definisi Fiqh al-Sirah, iaitu secara ringkas dan secara terperinci. Definisi ringkas ialah: “Memahami Sirah Nabi S.A.W dengan kefahaman yang bersifat menyeluruh, praktikal serta produktif”. Manakala definisi terperinci ialah: “Memahami Sirah Nabi S.A.W sebagai cara hidup, membina peribadi, menguatkan umat, menegakkan negara, membangun tamadun, menyampaikan mesej kemanusiaan dan kaedah berinteraksi sesama manusia” (Jami’ah Ummu al-Qura, t.t)
4. Ismail (2023) mencadangkan definisi Fiqh al-Sirah sebagai: “Ilmu yang membahaskan tentang peristiwa-peristiwa berkaitan Sirah Nabi S.A.W semenjak kelahiran sehingga kewafatan, dengan cara mengeluarkan pengajaran, peringatan, teladan, hikmah, hukum, dasar, peraturan atau perkara yang seumpamanya; bertujuan memberi manfaat kepada umat manusia bersesuaian zaman”.

Sebagai rumusan, berdasarkan definisi-definisi tersebut, dapat difahami bahawa Fiqh al-Sirah merupakan satu pendekatan atau disiplin ilmu yang menjadikan Sirah Nabi S.A.W sebagai subjek utama perbahasan di mana elemen analisis, huraian dan komentar banyak diketengahkan dalam membentangkan peristiwa-peristiwa berkaitan Nabi Muhammad S.A.W. Natijahnya, banyak pengajaran, pedoman, hukum hakam, hikmah, prinsip, dasar, peraturan dan selainnya terdapat di dalam karya-karya Fiqh al-Sirah. Medium Fiqh al-Sirah digunakan oleh para penulis dan pengkaji sebagai ruang menyampaikan manfaat dan pedoman dari Sirah Nabi S.A.W kepada umat manusia bermula dari aspek membina peribadi dan masyarakat sehinggalah membangunkan negara dan peradaban.

## **Konsep Fiqh Al-Sirah**

### **Ciri-ciri Fiqh al-Sirah**

Melalui analisis yang dilakukan oleh Ismail (2023) terhadap karya-karya bertemakan Fiqh al-Sirah, dapat dirumuskan bahawa ilmu ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Ciri-ciri tersebut dapat diringkaskan dalam beberapa isi penting berikut:

1. Fiqh al-Sirah adalah pendekatan baharu dalam berinteraksi dengan peristiwa-peristiwa Sirah Nabawiyah, atau satu gagasan ilmu yang baru muncul dimana para penyusun karyanya menggunakan metode gabungan antara pendekatan sejarawan silam dan sejarawan moden dalam membentangkan kisah-kisah. Ini bermakna, dalam membentangkan Sirah Nabi S.A.W, mereka merekodkan setiap perincian peristiwa sebagaimana metode ahli sejarah silam, kemudian menganalisis pengajaran dan fakta-fakta yang tersirat disebaliknya sebagaimana metode ahli sejarah moden.
2. Para penulis Fiqh al-Sirah menonjolkan pengajaran, pedoman, hikmah, hukum hakam, atau selainnya sebagaimana yang diperoleh melalui proses penelitian, pemerhatian dan analisis. Elemen-elemen yang ditonjolkan inilah yang menjadi pembeza antara karya-karya bertemakan Sirah biasa dengan karya-karya Fiqh al-Sirah. Karya-karya Fiqh al-Sirah banyak mengandungi perkara-perkara tersebut sama ada berkaitan dakwah dan gerakan Islam, akidah, pendidikan, akhlak, politik, hukum hakam dan sebagainya, sedangkan karya-karya Sirah biasa hampir langsung tidak terdapat perkara-perkara itu.
3. Matlamat utama penulisan Fiqh al-Sirah adalah memberi manfaat kepada umat Islam khususnya dan seluruh manusia amnya berkenaan petunjuk dan pedoman Nabi S.A.W untuk diaplikasikan pada masa kini. Ini dilakukan supaya masyarakat menjadikan Sirah Nabi S.A.W dan ajarannya sebagai perlembagaan hidup mereka dalam setiap aspek, demi mendapatkan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan diatas, dapat disimpulkan bahawa Fiqh al-Sirah adalah berkonsepkan gabungan dua elemen penting, iaitu: pembentangan peristiwa-peristiwa dari Sirah Nabi S.A.W dan huraian hasil proses penelitian, pemerhatian dan analisis terhadapnya seperti pengajaran, hikmah, hukum hakam dan lain-lain. Konsep inilah yang ditegaskan oleh Ramadhan al-Buti di dalam syarahannya berkaitan Fiqh al-Sirah sebagaimana terjemahan berikut: "*Cara kami dalam pengkajian Sirah Nabi S.A.W adalah dengan membentangkan peristiwanya, kemudian kami hurai dan analisis. Ini bermakna kami mengkajinya secara pembentangan sejarah terlebih dahulu, kemudian setelah itu kami mengeluarkan prinsip-prinsip, hukum, pengajaran dan pedoman*" (al-Buti, 2014). Secara umumnya, inilah konsep penulisan yang digunakan oleh para penulis Fiqh al-Sirah.

Pengkaji akan mengemukakan contoh-contoh dari karya-karya terpilih bagi memahami konsep Fiqh al-Sirah secara praktikal sebagaimana yang dijelaskan. Sebagai contoh, dalam karya yang bertajuk "*Fiqh al-Sirah*" karangan Muhammad al-Ghazali (2000), ketika membentangkan peristiwa Isra' dan Mi'raj, penulis menjelaskan bahawa Isra' ialah perjalanan Nabi S.A.W yang menakjubkan, bermula dari Masjid al-Haram di Mekah ke Masjid al-Aqsa di Madinah. Mi'raj pula ialah perjalanan naik ke satu tahap yang tidak dapat dicapai oleh ilmu makhluk. Kemudian selepas itu Nabi S.A.W kembali semua ke Masjid al-Haram di Mekah. Al-Ghazali tidak menetapkan tarikh khusus berlakunya peristiwa ini tetapi secara kronologinya beliau meletakkan peristiwa ini selepas dakwah Nabi S.A.W di Taif dan sebelum berlakunya Hijrah ke Madinah. Sepanjang penceritaannya, al-Ghazali menerangkan hikmah Isra' dan Mi'raj antaranya Allah S.W.T memperlihatkan tanda-tanda kekuasan-Nya kepada Nabi S.A.W sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-Isra' ayat 1, menjelaskan kesinambungan dakwah para Nabi A.S terdahulu dengan dakwah Nabi Muhammad S.A.W melalui pemilihan Masjid al-Aqsa sebagai destinasi Isra', meneguhkan hati dan keyakinan Nabi S.A.W melalui panorama yang menggambarkan kehebatan dan kekuasaan Allah S.W.T, dan penghormatan-Nya terhadap Nabi S.A.W. Mengulas tentang kefardhuan solat yang syariatkan oleh Allah S.W.T secara langsung di langit semasa Mi'raj, al-Ghazali mengatakan bahawa pengajarannya ialah agar solat menjadi wasilah yang meninggikan manusia setelah martabat mereka direndahkan di bumi kerana hawa nafsu. Setelah menggambarkan penolakan Quraisy dan kabilah-kabilah lain terhadap peristiwa Isra' dan Mi'raj ini, al-Ghazali menghuraikan teladan berkaitan dakwah iaitu Nabi S.A.W tidak berputus asa dan tetap sabar dengan meneruskan dakwah seperti biasa.

Ramadhan al-Buti (1998) dalam karya yang berjudul "*Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*" menghuraikan kisah Peperangan Khandaq dengan mengemukakan tarikh berlakunya peristiwa ini iaitu pada bulan Syawal tahun ke-5 Hijrah. Menurutnya peperangan ini berpunca dari sebilangan Yahudi Bani al-Nadhir yang mengajak Quraisy dan Ghatfan dengan kekuatan 10,000 tentera memerangi Rasulullah S.A.W. Kaum Muslimin bersetuju dengan cadangan Salman al-Farisi R.A untuk menggali parit sebagai kubu. Al-Buti menganalisis iktibar dan pengajaran daripada peperangan ini, antaranya ialah punca utama peperangan adalah Yahudi, bukan Muslimin yang mencetus peperangan. Penggunaan taktik menjadikan parit sebagai kubu yang merupakan taktik yang terkenal di Farsi menunjukkan keharusan mengambil sesuatu yang baik dari orang bukan Islam dengan syarat tidak mengikuti kepercayaan sesat mereka. Kebersamaan Nabi S.A.W dalam menggali parit menunjukkan nilai persamaan yang digagaskan oleh Islam antara pemimpin dan rakyat, antara kaya dan miskin. Al-Buti juga mengistibat dua hukum syarak dari peperangan ini iaitu kewajipan qadha' solat yang terluput bersandarkan kisah Nabi S.A.W terluput solat Asar dan mengantikannya selepas terbenam matahari. Al-Buti menjadikan permesyuaratan Nabi S.A.W dengan Sahabat R.A tentang

tawaran pemberian 1/3 buah-buahan Madinah untuk diberikan kepada Ghatfan supaya menarik diri dari kem al-Ahzab sebagai hujah yang menunjukkan tertegaknya syura dalam setiap perkara yang tiada dalil atau nas.

Pendekatan yang sama juga digunakan oleh Zaid Abdul Karim al-Zaid (2003) dalam karyanya yang dinamakan dengan "*Fiqh al-Sirah*". Penulis bukan hanya memaparkan kronologi peristiwa Sirah Nabi S.A.W tetapi disertakan dengan analisis pengajaran, hikmah, iktibar dan lain-lain. Misalnya, dalam menghuraikan peristiwa Perdamaian Hudaibiah yang berlaku pada Zulkaedah tahun ke-6 Hijrah, beliau mengemukakan 22 pengajaran yang berkaitan akidah, hukum syarak, akhlak, dakwah dan siasah. Sebagai contoh, antara pengajaran akidah ialah jangan gopoh dalam membuat kesimpulan kerana di sebalik sesuatu yang disangka buruk itu terdapat kebaikan di sisi Allah S.W.T seperti kebaikan yang terdapat di sebalik Perjanjian Hudaibiah ini untuk Islam dan Muslimin. Pengajaran hukum pula, Nabi S.A.W dan mendirikan Solat al-Khauf semasa Hudaibiah, Al-Zaid merumuskan bahawa peristiwa ini adalah petunjuk kepada kewajipan solat dan tuntutan mendirikannya secara berjemaah dalam semua keadaan sama ada aman atau ketakutan. Menurut al-Zaid, banyak pengajaran akhlak yang dapat diambil dari peperangan ini, antaranya ialah perlunya sangka baik sesama Muslim. Hal ini dapat dilihat apabila Nabi S.A.W menepis dakwaan para Sahabat R.A bahawa Uthman R.A tidak pulang semua ke pengkalan tentera di Hudaibiah setelah berbincang dengan Quraisy kerana melakukan umrah. Al-Zaid juga menyentuh soal dakwah dan politik, antara kesan positif dari perdamaian ini ialah keruntuhan kekuatan Quraisy, pengiktirafan Quraisy terhadap entiti dan kekuatan Muslimin, bahkan perdamaian ini adalah permulaan kepada pembukaan Kota Mekah serta ruang dakwah terbuka seluas-luasnya.

Ringkasnya, melalui definisi dan konsep berserta contoh-contoh yang telah dikemukakan, jelaslah bahawa "Fiqh" yang dimaksudkan dalam istilah "Fiqh al-Sirah" bukan terbatas kepada hukum syarak yang bersifat amali sahaja, tetapi ia menjurus kepada maksud yang lebih umum iaitu kefahaman, hikmah, makna atau pengajaran yang tersirat, dan sebagainya. Adapun hukum syarak, ia hanya satu juzuk dari pengajaran yang didapati daripada Sirah Nabi S.A.W. Fiqh al-Sirah merupakan gagasan ilmu yang mempunyai ciri-ciri dan konsepnya yang tersendiri. Bidang tujuan yang menjadi fokus dalam penghuraian pengajaran dan iktibar bagi setiap penulis adalah berbeza mengikut kepada kecenderungan dan tujuan mereka menulis sesuatu karya (Ismail, 2023).

### **Antara Fiqh al-Sirah, Fikr al-Sirah dan Sirah Philosophy/Siyer Felsefesine**

Melalui pengamatan, terdapat dua ilmuan Islam yang memperkenalkan istilah yang sedikit berbeza dengan istilah Fiqh al-Sirah yang digunakan oleh kebanyakan para ilmuan. Ilmuan tersebut adalah Muhamna al-Hubail (2017) dengan istilah Fikr al-Sirah dan Fethullah Gulen (2007) dengan istilah *Sirah Philosophy* atau dalam bahasa Turki ialah *Siyer Felsefesine*. Apakah persamaan dan perbezaan antara kedua-dua istilah ini dengan Fiqh al-Sirah?

Al-Hubail tidak memberi definisi yang khusus berkenaan idea Fikr al-Sirah yang beliau kemukakan, namun menjelaskan sebab penamaan konsep yang diketengahkan ini. Menurut Al-Hubail, beliau tidak menggunakan istilah Fiqh al-Sirah sebaliknya menggunakan istilah Fikr al-Sirah supaya beliau tidak terikat dengan perbahasan fatwa atau hukum fikah sebagaimana al-Ghazali dan al-Buti. Namun pada hakikatnya, tanggapan beliau adalah tidak tepat kerana al-Ghazali dan al-Buti tidak hanya memfokuskan aspek hukum dalam huraian mereka, bahkan terdapat pelbagai elemen yang diintegrasikan di dalamnya termasuk akidah, dakwah, jihad, muamalat, pengajaran, prinsip dan isu-isu universal lain (Makhluf, 2015; Ariani & Hak, 2024).

Al-Hubail berhasrat menjadikan penulisannya ini sebagai refleksi kendiri terhadap pembacaan dan pengkajian Sirah Nabi S.A.W dalam bentuk kontemporari dan intelektual. Beliau berpendapat, pendekatan ini membuka ruang yang luas untuk berijihad terutamanya dalam mengetengahkan prinsip-prinsip keadilan sosial, nilai keilmuan dan kemanusiaan yang dapat diambil daripada Sirah Nabawiyah sebagai rujukan Muslim kontemporari dan manusia sejagat.

Al-Hubail membentangkan Sirah Nabi S.A.W secara kronologi dan menganalisis peristiwa-peristiwanya dengan menumpukan tema-tema tertentu yang bersifat perbahasan kontemporari. Al-Hubail tidak hanya melihat Sirah Nabawiyah sebagai kisah sejarah, tetapi sebagai panduan strategi perubahan yang boleh diaplikasikan dalam dunia moden melalui penyelidikan mendalam berkaitan keputusan-keputusan Rasulullah S.A.W dalam politik, ekonomi, ketenteraan, mengurus konflik, mengatur hubungan diplomatik, serta membangunkan institusi sosial. Contohnya, Perjanjian Hudaibiyah dilihat oleh al-Hubail sebagai strategi politik Nabi S.A.W yang mendahului zamannya kerana menatihkan keruntuhan penguasaan Quraisy, wujudnya kebebasan menyebarkan dakwah dan kebenaran menunaikan umrah pada tahun berikutnya.

*Siyer Felsefesine* pula menurut Gulen ialah hubungan interaksi secara aktif dengan Sirah Nabawiyah, mengkajinya beserta mengaitkannya dengan prinsip-prinsip dan panduan dalam mendepani cabaran moden. Beliau menggunakan istilah “Falsafah Sirah” dengan tujuan menjadikan setiap individu di zaman kontemporari boleh mengutip pelbagai pengajaran daripada Sirah Nabi S.A.W. Menurutnya, huraian yang telah dilakukan pada masa lampau tidak dapat diperaktikkan pada masa sekarang. Oleh itu, Sirah Nabawiyah perlu dihuraikan oleh orang yang hidup di masa kini (*ibn al-zaman*). Gulen berpandangan bahawa era Nabi S.A.W sebagai era kebahagiaan (*asr al-sa’ādah*) dalam sejarah Islam. Oleh itu, beliau menekankan bahawa manfaat daripada Sirah Nabawiyah berguna untuk setiap manusia dan setiap masa khususnya dalam menghadapi cabaran zaman kontemporari (Gulen, 2012; Sertkaya, 2023).

Dalam bukunya “Sonsuz Nur” atau “*al-Nur al-Khālid: Muhammad S.A.W*”, Gulen tidak membentangkan Sirah Nabawiyah dalam bentuk tradisional iaitu secara kronologi, sebaliknya beliau membentangkannya dengan disertakan ulasan yang terperinci. Ulasan-ulasan ini berbentuk idea-idea yang dirumuskan daripada analisa yang dilakukan terhadap Sirah Nabawiyah seperti tema seorang Nabi pembawa rahmat, Nabi S.A.W sebagai murabbi, Rasulullah S.A.W penyelesai masalah yang tiada bandingan, dan sudut ketenteraan Rasulullah S.A.W (Gulen, 2007).

Setelah meneliti penulisan al-Hubail dan Gulen, pengkaji merumuskan bahawa kedua-dua konsep yang dikemukakan oleh mereka tidak mempunyai perbezaan dengan konsep Fiqh al-Sirah kecuali pada penamaan atau pengistilahan sahaja (Sertkaya, 2023). Mereka mengemukakan istilah selain “fiqh” dengan tujuan menampakkan bahawa ulasan-ulasan mereka bukanlah bersifat “hukum syarak” tetapi lontaran idea, pendapat, pengajaran, analisis dan seumpamanya yang bersifat ijihad. Oleh itu, secara asasnya, Fikr Al-Sirah dan *Siyer Felsefesine* adalah selari dengan konsep Fiqh al-Sirah.

### Corak Penulisan Fiqh al-Sirah

Menurut Ibrahim (2008), terdapat pelbagai corak penulisan yang digunakan dalam Fiqh al-Sirah, antaranya:

#### Corak Pertama: Kajian secara Analisis Keseluruhan Sirah Nabi S.A.W

Penulisan corak ini menyebut peristiwa-peristiwa Sirah Nabawiyah secara turutan garis masa bermula kelahiran sehingga kewafatan, dengan menyertakan analisis-analisis yang terdiri daripada pengajaran, iktibar, faedah-faedah berkaitan dakwah, pendidikan, politik, hukum, peraturan dan sebagainya. Bagi corak ini, terdapat dua pendekatan yang digunakan iaitu, pertama, mengemukakan pengajaran dan iktibar yang komprehensif, kedua, mengemukakan pengajaran dan iktibar yang tertumpu kepada tema yang khusus sahaja.

Antara penulisan yang ditulis menggunakan corak ini dengan pendekatan pengajaran yang komprehensif ialah:

1. *Zād al-Ma'ād fī Hadyi Khair al-'Ibād*, karangan Ibnu Qayyim al-Jauziah.
2. *Fiqh al-Sīrah*, karangan Muhammad al-Ghazali.
3. *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, karangan Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti.
4. *Al-Sīrah al-Nabawiyah: 'Ardh Waqā'i wa Tahlīl Ahdāth*, karangan 'Ali Muhammad al-Shallabi.
5. *Al-Sīrah al-Nabawiyah: Durus wa 'Ibar*, karangan Mustafa al-Siba'i.
6. *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, karangan Munir al-Ghadban.
7. *Fiqh al-Sīrah*, karangan Zaid Abdul Karim al-Zaid.

Manakala penulisan yang ditulis menggunakan corak ini dengan pendekatan pengajaran yang tertumpu kepada tema khusus ialah:

1. *Al-Manhaj al-Harakī li al-Sīrah al-Nabawiyah*, karangan Munir al-Ghadban.
2. *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah: Qiraah Siasiah Da'awiyyah Harakiah*, karangan Muwaffaq Salim Nuri.
3. *Fiqh al-Harakah* daripada Sirah Nabawiah, karangan Abdul Hadi Awang.
4. *Al-Sīrah al-Nabawiah: Tarbiyah Ummah wa Binā' Daulah*, karangan Soleh Ahmad al-Syami.
5. *Fikr al-Sīrah: Qiraah Thaqafiah Mu'āshirah li al-Sīrah al-Nabawiyah*, karangan Muhanna al-Hubail.

#### Corak Kedua: Kajian secara Tematik

Penulisan ini mengumpulkan situasi-situasi yang berbeza dalam peristiwa-peristiwa Sirah Nabawiyah tetapi mempunyai persamaan atau perkaitan pada satu tema tertentu. Situasi-situasi ini disusun dan diletakkan dalam satu kategori untuk memdapatkan satu gambaran yang lengkap dan menyeluruh tentang tema tersebut. Contohnya tema dakwah, politik, ekonomi, sosial, pemikiran dan sebagainya.

Antara buku yang ditulis menggunakan corak ini ialah:

1. *Min Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, karangan Akram Dhia' al-'Umari.
2. *Fiqh al-Ta'āyush fi al-Sīrah al-Nabawiyah*, karangan Husain 'Ali al-Mustafa.
3. *Sonsuz Nur* atau *al-Nur al-Khālid: Muhammad S.A.W*, karangan Muhammed Fethullah Gulen.
4. *Al-Rasūl al-Mu'allim wa Asālibuhu fi al-Ta'līm*, karangan Abdul Fattah Abu Ghuddah.
5. *Al-Rasūl al-Qā'id*, karangan Mahmud Syith Khattab.

Selain buku, terdapat banyak artikel ilmiah yang dihasilkan menggunakan pendekatan tematik ini, antaranya:

1. *Al-Ab'ād al-Hadhāriah wa al-Insāniyah fī al-Sirah al-Nabawiyah*, oleh Khalid al-Syarqawi al-Samuni.
2. *Al-Istisyrāf wa al-Takhtīt al-Mustaqbali fī al-Sirah al-Nabawiyah: Suhūl al-Hudaibiyah Unmūzajān*, oleh Soleh Ahmad al-Bush'idi.
3. *Exploring the Themes of Brotherhood and Equality in the Light of Prophetic Sirah*, oleh Zafer Ahmad Ganai dan Nasir Nabi.
4. Elemen-Elemen Pelancongan dalam Sirah Nabawiyah: Analisis Terhadap Kitab Al-Rahiq Al-Makhtum Karangan Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri, oleh Abdul Wahab Md Ali dan lain-lain.
5. Sumbangan Wanita pada Zaman Rasulullah S.A.W dalam Pembinaan Tamadun Islam, oleh Minah Dibok.

### **Corak Ketiga: Kajian secara Perbandingan**

Kajian ini membandingkan isu-isu atau tema-tema tertentu berkaitan Sirah Nabawiyah dengan sumber-sumber selainnya bertujuan menzhirkan keistimewaan Nabi S.A.W.

Antara penulisan yang menggunakan corak ini ialah:

1. *Wathīqah al-Madīnah: al-I'lān al-Nabawī li Huqūq al-Insān Dirāsah Muqāranah ma'a al-I'lān al-'Ālamī li Sanah 1948 Masihiyah*, oleh Muhammad Ali Bioud.
2. *Mukawwināt al-Syakhsiyah fī al-Sirah al-Nabawiyah: Dirāsah Muqāranah*, oleh Abdul Salam Salim Muhammad.
3. *The Governmental System of the Prophet Muhammad: A Comparative Study in Constitutional Law*, oleh Hasyim Y. al-Mallah.
4. *A Comparative Analysis of Bay'ah during the Time of the Prophet S.A.W*, oleh Wan Mohd Yusof Wan Chik dan lain-lain.
5. Relevansi Nilai-Nilai Pendidikan Karakter dalam Buku Sirah Nabawiyah Karya Syaikh Syafiyurrahman al-Mubarakfurry dengan Praktik Pendidikan Islam, oleh Putri Tanjung.

### **Fungsi Fiqh Al-Sirah pada Zaman Moden**

Fiqh al-Sirah memainkan peranan penting dalam mengetengahkan Sirah Nabi S.A.W dalam masyarakat kontemporari. Karya-karya berbentuk buku, tesis, kajian ilmiah atau artikel yang dihasilkan berfungsi sebagai medium penerapan pengajaran dan iktibar dari Sirah Nabawiyah pada zaman ini. Antara fungsinya ialah:

### **Mengangkat Nabi S.A.W sebagai Ikutan Manusia di Zaman Moden**

Dalam mukadimah buku “*Fiqh Sirah al-Nabawiyah*”, al-Buti (1998) menegaskan bahawa hidup Rasulullah S.A.W adalah teladan mulia dalam akhlak, kepimpinan, dakwah, kekeluargaan, dan ibadah. Baginda S.A.W menunjukkan kebijaksanaan dalam memimpin, kasih sayang sebagai suami dan ayah, serta keseimbangan antara ibadah dan kehidupan sosial. Oleh itu, seharusnya kajian Sirah Nabi S.A.W bertujuan menampilkkan contoh manusia yang paling sempurna pada diri Baginda S.A.W, merangkumi semua aspek kemanusiaan dan sosial sama ada sebagai individu atau sebagai anggota masyarakat. Al-Shallabi (2013) menegaskan bahawa semua Muslim perlu menjadikan Nabi S.A.W sebagai suri teladan dalam setiap lapangan kehidupan sama ada sebagai pendakwah, pendidik, panglima perang, ulama’, peniaga, bahkan umat secara keseluruhannya. Menurutnya lagi, kemunduran umat Islam pada zaman ini adalah disebabkan kelalaian mereka daripada menjadikan petunjuk Nabi SAW sebagai panduan dalam lapangan ilmu dan amal.

Misalnya, pendekatan tematik yang diambil oleh Gulen (2007) dalam karyanya “*al-Nur al-Khālid: Muhammad S.A.W*”, berfokus pada analisis pelbagai aspek kehidupan Nabi S.A.W. Hal ini terlihat dalam bukunya yang mengupas tentang aspek kenabian dan sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh Nabi S.A.W, kesucian keluarga daripada kesalahan, peranan sebagai pendidik, umat dan pemimpin tentera, serta strategi dakwah yang digunakan. Penulisan yang menonjolkan aspek-aspek tertentu dalam kehidupan Nabi S.A.W ini memudahkan pembaca untuk memahami serta meneladani ajarannya dalam konteks masa kini.

Abu Ghuddah (1996), melalui bukunya “*al-Rasūl al-Mu'allim*” menganilisa keperibadian Nabi S.A.W sebagai seorang pendidik. Penulis memperincikan prinsip-prinsip, adab-adab dan kaedah-kaedah dalam pendidikan yang terdapat dalam Sirah Nabi S.A.W sebagai panduan untuk warga pendidik. Menurutnya, sejarah membuktikan bahawa Nabi S.A.W adalah tokoh pendidik terulung sepanjang zaman.

Khattab (2001), mengkaji tentang aspek kepimpinan Nabi S.A.W melalui karyanya “*al-Rasūl al-Qā'id*”. Penulis mengangkat ketokohan Baginda S.A.W sebagai tauladan untuk menjadi pemimpin yang cemerlang, yang mempunyai pemikiran, perancangan, dan pengurusannya yang tersendiri dalam keamanan dan peperangan. Kajian juga memperincikan aspek ketenteraan Nabi S.A.W yang melibatkan perancangan dan persediaan dalam mempertahankan negara dan menghadapi musuh.

### **Mengetengahkan Nilai-nilai Tamadun**

Sirah Nabi S.A.W merupakan gedung ketamadunan dan kemajuan manusia berdasarkan nilai-nilai Islam. Baginda S.A.W terbukti telah berjaya mengeluarkan manusia dari zaman kegelapan jahiliah dengan membina tamadun Islam melalui nilai-nilai ketamadunan yang sebenar. Menurut Ibrahim (2008), Nabi S.A.W berjaya membina tamadun berdasarkan nilai tauhid, sistem ekonomi, politik dan sosial yang berasaskan keadilan serta nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang lain. Oleh itu, menurutnya, kajian Sirah Nabawiyah perlu menumpukan usaha mengangkat nilai-nilai tamadun yang dapat menjadi penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam dan bukan Islam. Antara nilai tamadun yang terdapat dalam Sirah Nabi S.A.W yang boleh diketengahkan ialah kasih-sayang, persaudaraan, perpaduan, toleransi, saling menghormati, memuliakan wanita, pekerjaan, pembuatan, seni, pembangunan bandar, alam sekitar, pentadbiran dan lain-lain.

Kajian al-Samuni (2020) mengeksplorasi nilai-nilai tamadun dan kemanusiaan daripada Sirah Nabi S.A.W. Antara nilai-nilai yang ditemui ialah menunaikan hak dan tanggungjawab, keamanan, kedamaian, hidup secara harmoni, toleransi, kesamarataan, serta saling menghormati antara ras, kaum dan agama. Menurutnya, nilai-nilai inilah yang ditegakkan dalam sesebuah negara pada hari ini termasuk negara-negara barat, sedangkan nilai-nilai ini telah sekian lama digagaskan oleh Nabi S.A.W dalam negara Islam Madinah.

Basyuni (2024) pula melakukan eksplorasi terhadap nilai-nilai tamadun yang digagaskan oleh Nabi S.A.W pada zaman Mekah. Kajian ini mendapati bahawa Nabi S.A.W berjaya menjadikan masyarakat Mekah hidup lebih bertamadun dengan menumpukan anjakan paradigma dari sudut kehidupan beragama, pemikiran, kehidupan bermasyarakat, dan penerapan nilai-nilai murni.

Minah Dibok (1994) meneroka sumbangan wanita pada zaman Rasulullah S.A.W dalam membina tamadun. Kajian ini mendapati bahawa wanita pada zaman Rasulullah S.A.W terlibat dalam pembentukan iman masyarakat, penyebaran dakwah, keterlibatan dalam peperangan,

penyebaran ilmu dan bekerja mencari keperluan hidup dan memajukan negara. Oleh itu, sumbangan wanita pada zaman Nabi S.A.W perlu dijadikan contoh oleh wanita Islam pada zaman ini dalam usaha membangun semula tamadun Islam.

### **Mengemukakan Panduan Menghadapi Cabaran Zaman Kontemporari**

Fiqh al-Sirah sebagai pendekatan baru dalam pengkajian Sirah Nabawiyah berperanan menjadi medium untuk mengemukakan solusi dan panduan bagi umat manusia dalam mendepani cabaran zaman moden yang sentiasa berubah (al-Markhi, 2023). Cabaran-cabaran ini berkaitan dengan akidah, dakwah, ideologi, moral, kemunduran umat, dan sebagainya.

Akidah merupakan cabaran terbesar umat Islam di zaman kini. ‘Iwaji (2013) membincangkan tentang penekanan Nabi Muhammad S.A.W dalam memperkuuh akidah sejak awal dakwahnya. Dapatkan kajian menunjukkan Nabi S.A.W memberi perhatian utama kepada pembetulan konsep-konsep akidah sebelum perkara lain seperti ibadah atau muamalah. Baginda memulakan dakwah dengan menyeru kepada tauhid dan meninggalkan syirik, kemudian menumpukan pada perkara laian. Nabi S.A.W menggunakan pelbagai kaedah seperti al-Quran, dialog berasaskan logik dengan golongan musyrikin, serta penggunaan perumpamaan untuk menyampaikan konsep-konsep akidah dengan jelas dan berkesan. Kajian menegaskan pentingnya memulakan sebarang usaha islah atau dakwah dengan memperkuuhkan akidah, kerana akidah yang betul akan menghasilkan amal yang betul dan masyarakat yang bersatu padu khas pada zaman moden ini.

Islamofobia merupakan cabaran yang dihadapi umat Islam di zaman ini. Buku al-Hamidi (2011) yang berjudul “*al-Sirah al-Nabawiyah lil Qaryah al-‘Alamiah*” merupakan usaha untuk menghadapi Islamofobia dengan mempersempahkan bacaan objektif dan kontemporari tentang biografi Nabi Muhammad S.A.W, berdasarkan rujukan saintifik dan sejarah. Melalui buku ini, penulis memperkenalkan ajaran Islam yang sebenar di samping memperbetulkan salah faham yang mendorong kepada kebencian dan prejudis terhadap Islam.

Tafsir al-Azhar karangan HAMKA (1985) sarat dengan Fiqh al-Sirah (Ismail, 2023), ketika menghurai ayat berkaitan usaha Abu Sufyan mengumpulkan dana untuk memerangi Muslimin dalam peperangan Uhud iaitu Surah al-Anfal ayat 36, penulis memberi peringatan kepada umat Islam berkaitan penyebaran agama Kristian di negara-negara Islam. Beliau mengatakan bahawa ayat ini mengandungi pengajaran untuk kita di zaman ini di mana orang-orang kafir sanggup menyediakan jutaan dolar sebagai dana untuk menyebarkan fahaman Kristian dan Ateis yang menentang fahaman beragama dan kewujudan Allah S.W.T. Pelbagai usaha yang mereka lakukan untuk merosakkan jati diri generasi muda seperti penyebaran pornografi, buku yang menghairahkan, filem seksual dan seumpamanya. Justeru, umat Islam dituntut menghadapi gerakan ini.

### **Memperjelas Hakikat Islam dan Menangkis Serangan terhadap Islam**

Menurut al-‘Umari (2016), kemajuan dunia menuntut penerangan tentang hakikat Islam. Justeru itu, kajian Fiqh al-Sirah adalah medan penting untuk pelaksanaan tugas ini. Penjelasan-penjelasan tentang hakikat sebenar Islam yang dipraktikkan oleh Nabi S.A.W di dalam kehidupan Baginda S.A.W perlu diketengahkan. Kegagalan pelaksanaan tugas ini akan membawa kepada kesan yang buruk terhadap imej sebenar Islam dan hasrat untuk memperkenalkannya ke seantero dunia terbantut. Menurut Ibrahim (2008), di zaman moden ini, terdapat keraguan dan tohmahan yang tidak benar dilontarkan oleh musuh Islam terhadap peribadi Nabi S.A.W. Keraguan dan tohmahan ini berpunca dari orientalis dan selainnya. Oleh

itu, menjadi kewajipan pengkaji Sirah dan pendakwah menangkis keraguan dan tohmahan ini melalui pelbagai medium termasuk penulisan.

Antara rujukan terbaik dalam Fiqh al-Sirah menurut al-Ghadban (1997) ialah tafsir “*Fi Zilāl al-Qurān*” karangan Sayyid Qutb (2009). Salah satu pendekatan Sayyid Qutb dalam menghuraikan pengajaran dan iktibar berkaitan ayat-ayat Sirah ialah memperjelas hakikat Islam dan dasar-dasarnya (Ismail, et al. 2023). Sebagai contoh, Sayyid Qutb menyifatkan turunnya wahyu pertama Surah al-‘Alaq ayat 1-5 sebagai bukti Islam adalah bersumber wahyu, bukan ciptaan manusia. Justeru, rujukan utama Islam adalah wahyu Allah S.W.T, bukan hawa nafsu. Contoh lain, Sayyid Qutb mengeluarkan beberapa hakikat Islam melalui peristiwa Uhud, antaranya: syura adalah dasar Islam, Islam adalah manhaj bersumber dari Allah S.W.T, Islam agama yang bersifat praktikal dan lain-lain. Selain itu, dalam membicarakan kisah taubat tiga Sahabat R.A yang tidak menyertai Peperangan Tabuk pada ayat 105 Surah al-Taubah, Sayyid Qutb menyatakan bahawa taubat dalam Islam tidak terhenti setakat menyesal sahaja, namun mesti disusuli oleh amal yang membuktikan penyesalan tersebut.

Al-Ghazali (2000) dalam bukunya “*Fiqh al-Sīrah*” juga banyak memperjelaskan hakikat Islam dan dasar-dasarnya melalui huraihan terhadap peristiwa Sirah. Misalnya, berkenaan pengutusan Nabi S.A.W, al-Ghazali menyifatkan kerasulan Baginda S.A.W adalah untuk semua manusia sebagai petunjuk sepanjang zaman. Contoh lain, sebagai jawapan balas terhadap tohmahan musuh-musuh Islam tentang peperangan di zaman Nabi S.A.W, Al-Ghazali menjelaskan bahawa peperangan dalam Islam bertujuan mempertahankan hak, menghentikan kezaliman, menentang pencerobohan dan meruntuhkan kejahatan. Ketika menyebut tentang kisah Ummahat al-Mukminin R.A, al-Ghazali menghuraikan secara terperinci hikmah diharuskan berpoligami dalam Islam, antaranya ialah meramaikan zuriat dan sebagai alternatif memberi penjagaan kepada wanita-wanita yang tidak mempunyai pasangan.

Sebagai kesinambungan menjelaskan tentang hakikat Islam, penulis-penulis Fiqh al-Sirah juga menjawab serangan dan tohmahan yang dilontarkan oleh musuh Islam. Al-Buti (1998) sebagai contoh, banyak mengemukakan jawapan balas dan kritikan terhadap orientalis yang membuat tuduhan atau tohmahan terhadap Sirah Nabi S.A.W dalam bukunya “*Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*”. Antara kritikan al-Buti ialah tohmahan bahawa Nabi S.A.W memperakui adat-adat jahiliyah, Nabi S.A.W mementingkan nafsu syahwat kerana berpoligami, dakwah Nabi S.A.W adalah natijah gerakan pemikiran bangsa Arab, dan lain-lain. Menurut Zainal Abidin (2022), al-Buti bukan sekadar mengkritik keraguan-keraguan yang disebarluaskan oleh orientalis, tetapi beliau mengemukakan hujah-hujah yang tuntas bagi menjawab segala isu-isu yang dibangkitkan ini.

### Mengangkat Sirah Nabi S.A.W sebagai Rujukan dalam Membina Dasar dan Polisi

Rehman & Ruby (2023) menyimpulkan bahawa Nabi Muhammad S.A.W terbukti sebagai pembuat dasar dan polisi yang berjaya dan berstrategi. Oleh yang demikian, dasar dan polisi yang digagaskan oleh Baginda S.A.W seperti keamanan, keterbukaan dan diplomasi, persefahaman dan perjanjian, pengurusan krisis dan sebagainya patut diadaptasi dalam sistem pentadbiran dan hubungan diplomatik pada zaman kontemporari.

Penulisan dan kajian Fiqh al-Sirah banyak memainkan peranan dalam mengangkat polisi dan dasar yang diasaskan pada zaman Nabi S.A.W. Antaranya ialah kajian Haisy (2023) yang menganalisis polisi ekonomi yang diimplementasi pada zaman Nabi S.A.W. Kajian ini

mendedahkan prinsip-prinsip unik ekonomi Islam, yang mengutamakan pertimbangan etika dan moral dalam transaksi ekonomi dan menolak konsep riba. Selain itu, Nabi S.A.W menekankan pelaksanaan sistem pasaran yang menggalakkan persaingan bebas, kerjasama, dan pertukaran yang adil, serta menghalang amalan monopoli.

Sarkam et al. (2022) meneroka pentadbiran dan polisi pertahanan negara zaman Nabi S.A.W. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor yang mempengaruhi polisi pentadbiran pertahanan zaman Nabi S.A.W iaitu permuafakatan masyarakat majmuk, hubungan diplomatik antara negara luar serta taktik dan strategi pertahanan. Ketiga-tiga faktor tersebut memberi kesan positif terhadap sistem pertahanan yang dinamik dan teratur dalam mengurus tadbir ketenteraan dan keselamatan dalam negara dan sentiasa bersedia menghadapi ancaman luar daripada pihak musuh.

Kajian Sami'ie (2018) meneroka aspek polisi pentadbiran negara Madinah yang diasaskan oleh Nabi S.A.W. Kajian ini memfokus tiga asas utama pentadbiran yang diamalkan oleh Nabi S.A.W iaitu, aspek geografi, pembentukan organisasi dan aspek membangunkan negara serta memajukannya. Melalui kajian ini juga, pengkaji memperbetulkan tanggapan salah musuh-musuh Islam yang menafikan kebijaksaan Nabi S.A.W dari sudut pengurusan dan pentadbiran.

## Kesimpulan

Kajian ini mendapati Fiqh al-Sirah adalah satu disiplin ilmu yang mengkaji Sirah Nabi Muhammad S.A.W melalui analisis, huraian, dan komentar, bagi menghasilkan pelbagai pengajaran, hukum, prinsip, dan hikmah. Ia berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan pengajaran dan iktibar daripada Sirah Nabawiyah dalam membentuk peribadi, masyarakat, negara, dan peradaban.

Terdapat tiga corak utama penulisan Fiqh al-Sirah iaitu analisis keseluruhan, kajian secara tematik, dan kajian secara perbandingan. Dari sudut peranan, Fiqh al-Sirah berfungsi sebagai medium mengangkat Nabi S.A.W sebagai ikutan manusia akhir di zaman moden, mengetengahkan nilai-nilai tamadun, mengemukakan panduan menghadapi cabaran zaman kontemporari, memperjelas hakikat Islam dan menangkis serangan terhadapnya, dan mengangkat Sirah Nabi S.A.W sebagai rujukan dalam membina dasar dan polisi. Secara amnya, peranan yang dimainkan oleh Fiqh al-Sirah ini sangat signifikan dalam menyedarkan masyarakat tentang relevansi Sirah Nabawiyah sebagai panduan hidup yang holistik di zaman moden.

Sebagai penutup, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan, iaitu:

1. Penulisan dan pengkajian berkaitan Fiqh al-Sirah ini perlu dipergiat terutamanya dalam isu-isu yang bersifat kontemporari.
2. Garis panduan (*ضوابط*) dalam menghuraikan Fiqh al-Sirah perlu diwujudkan supaya huraian pengajaran dan iktibar yang dihasilkan adalah tepat dan autentik.
3. Hasil penulisan dan pengkajian berkaitan Fiqh al-Sirah ini perlu didedahkan dan disampaikan kepada masyarakat dengan menggunakan pelbagai platform. Pengguna teknologi dan aplikasi terkini perlu dimanfaatkan.
4. Pihak yang terlibat dengan pengajaran Sirah Nabawiyah seperti guru, pensyarah, penceramah, pendakwah dan sebagainya disarankan merujuk kepada huraian-huraian yang dikemukakan dalam penulisan dan kajian Fiqh al-Sirah untuk memastikan pengajaran dan

iktibar Sirah Nabi S.A.W yang disampaikan lebih tepat, relevan, praktikal dan kontemporerai.

5. Menghasilkan modul pengajaran dan pembelajaran Sirah Nabawiyah berdasarkan pendekatan Fiqh al-Sirah untuk rujukan guru, pelajar, pensyarah, siswazah, penceramah, pendakwah dan sebagainya.

## Rujukan

- Abu Ghuddah. A. F. (1996) *Al-Rasūl al-Mu'allim wa Asālibuhu fi al-Ta'līm*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiah.
- Ariani, F., & Hak, N. (2024). Historiografi Islam Modern: Telaah Sirah Nabawiyah Karya Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buthi. *Thaqafiyat: Jurnal Bahasa, Peradaban dan Informasi Islam*, 23(2). DOI: <https://doi.org/10.14421/thaq.2024.%25x>
- Aroos, A. & Shehu, F. (2024). A Historical Exploration of the Selected Writing Trends on As-Sirah An-Nabawiyah (Prophetic Biography) from the First Century of Islam to the Contemporary Times. *Journal of Islam in Asia*, 21(1), 191–205. DOI: <https://doi.org/10.31436/jia.v21i1.1209>
- Al-Asfahani, A. M. A. (2003). *Al-Mufradāt fi Gharīb al-Qur'ān*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Baghdadi, A. A. *Al-Jāmi' li Akhlāq al-Rāwi wa Adāb al-Sāmī'*. Riyadh: Maktab al-Maārif.
- Basyuni, M. M. (2024). *Al-Bu'd al-Hadhāri li 'Ahd al-Makki fi al-Sirah al-Nabawiyah*. Hauliah Kulliyah al-Dakwah al-Islamiah bi al-Qahirah, 22(39), 378.
- Al-Buti, S. R. (1998). *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Al-Buti, S. R. (2014). Muqaddimah 1: *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, [https://www.youtube.com/watch?v=RC0a2\\_0wgvw&list=PL01kYZIehH-qxD5MiDAZUzOTsNKYE9zN&index=1](https://www.youtube.com/watch?v=RC0a2_0wgvw&list=PL01kYZIehH-qxD5MiDAZUzOTsNKYE9zN&index=1). Akses pada 1 Mac 2025.
- Dibok, M. (1994). Sumbangan Wanita pada Zaman Rasullullah SAW dalam Pembinaan Tamadun Islam. *Gading Jurnal Akademik ITM Cawangan Pahang*, 1, 19-29.
- Al-Ghadban, M. M. (1997). *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Mansoura: Dar al-Wafa'.
- Al-Ghadban, M. M. (1997). *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Al-Ghawri, S. A. M. (2016). *Mabādi al-Taāmul Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah*. Penerbit INHAD, Bandar Sri Putra.
- Al-Ghazali, M. (2000). *Fiqh al-Sīrah*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Gulen, M. F. (2007). *Al-Nur al-Khālid*: Muhammad S.A.W. (Terjemahan Sonsuz Nur). Istanbul: Dar al-Nail.
- Haisy, N. (2023). An Analysis of Economic Policies Implemented by Prophet Muhammad during His Governance in Madinah: A Comparative Study with Capitalist and Socialist Economic Systems. *At-Tasharruf: Jurnal Kajian Ekonomi dan Bisnis Syariah*, 5(1), 1-15. DOI: <https://doi.org/10.32528/at.v5i1.724>
- Al-Halabi, A. I. (2006). *Insān al-'Uyūn fi Sārah al-Amīn al-Ma'mūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Hamidi, M. H. (2011). *Al-Sīrah al-Nabawiyah lil Qaryah al-'Ālamiah*. Lubnan: Dar al-Minhaj.
- Hamka. (1985). *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Al-Hubail, M. (2017). *Fikr al-Sīrah: Qirāah Thaqāfiah Mu'āshirah li as-Sirah al-Nabawiyah*, Kaherah: Dar al-Masyriq.
- Ibn Manzur, M. M. (1994). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibrahim, M. Y. (2008). *Al-Tajdīd fi 'Ard al-Sirah al-Nabawiyah: Maqāsiduh wa Asālibuh*. Kaherah: Dar al-Yusr.
- Ibrahim, M. Y. (2015). *Nahw Tahdīd Manhaji li 'Ilm al-Sirah al-Nabawiyah al-Kāmilah*. - /نحو-تحديد-منهجي-علم-السيرة-التبوية-ال-2 - <http://almahajjafes.net/2015/02/2>

- Ismail, M. A. (2023). *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyyah Bayna Sayyid Qutb wa HAMKA fi Tafsīrāyhima: Dirasah Manhajiyah Muqāranah*. Tesis Ph.D. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ismail, M. A., Abuzaed, W. A., & Mohd, N. (2023). Sayyid Qutb and His Methodology in Dealing with the Verses Related to Prophetic History: An Analytical Study in His Exegesis “Fī Zilāl al-Qur’ān”. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1146–1165. DOI: <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.399>
- ‘Iwaji, M. M. (2013). *Ihtimām al-Rasūl bi al-Jānib al-‘Aqadi fi al-Sirah al-Nabawiyah*. Majallah Markaz Buhuth wa Dirasat bil al-Madinah al-Munawwarah, 39, 11-42.
- Jami’ah Umm al-Qura. (t.t). *Muqarrar Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. [https://drive-uqu-edu-sa.webpkgcache.com/doc//s/drive.uqu.edu.sa/\\_/tsbahwirth/files/%D9%85%D8%B0%D9%83%D8%B1%D8%A9%201.docx](https://drive-uqu-edu-sa.webpkgcache.com/doc//s/drive.uqu.edu.sa/_/tsbahwirth/files/%D9%85%D8%B0%D9%83%D8%B1%D8%A9%201.docx)
- Khattab, M. S. (2001). *Al-Rasūl al-Qā’id*. Baghdad: Dar Maktabah al-Hayah.
- Al-Markhi, H. S. A. (2023). *Al-Tajdīd al-Maqāsidi fi Dirāsatī al-Sīrah al-Nabawiyah wa Hatmiah Rabtiha bi Tahaddiyāt al-Wāqi’*, Majallah Jamiah Sabratha al-‘Ilmiah, 7(14), 107-119.
- Al-Samuni, K. S. (2020). *Al-Ab’ād al-Hadhāriyah wa al-Insāniyah fī al-Sirah al-Nabawiyah*. Majallah al-Huquq, 4(2), 459-489.
- Al-Shallabi, A. M. (2013). *Al-Sīrah al-Nabawiyah: ‘Ardh Waqā’i wa Tahlīl Ahdāth*. Kaherah: Dar Nur al-Yaqin.
- Al-Syirazi, I. (1987). *Syarh al-Luma’*. Beirut: Dar al-Garb al-Islami.
- ‘Umar, A. M. A. H. (2008). *Mu’jam al-Lughah al-‘Arabiah*. Kaherah: ‘Alam al-Kutub.
- Al-‘Umari, A. D. (2016). *Min Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Makhluf, M. H. (2015). *Fiqh al-Sirah Baina al-Ghazali wa al-Buti*. Journal Al-Dirasat Al-Islamiyyah, 50(20), 111-130.
- Nik Mat, N. H., Salleh, H. S., Yusof, Y., Mohamed, W. N., & Noor, N. A. M. (2021). *Panduan Penyelidikan Ilmiah*. Sintok: UUM Press.
- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Qutb, S. (2009). *Fi Zilāl al-Qur’ān*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Radhi, Y. I. (t.t). *Mabāhit fi Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Rehman, M. S. U., & Ruby, N. (2023). The Strategies of diplomacy in the Sirah of Prophet Muhammad P.B.U.H; A True policy Maker. *Al-Amīr Research Journal for Islamic Studies*, 4(03), 79-86.
- Sami’ie, I. (2018). *Dustūr al-Madinah Binā’ li Daulah wa Ta’sīs li Hadhārah*. Majallah al-Adab wa al-‘Ulum al-Islamiah, 17(2), 13-25.
- Sarkam, M. K. A. M., Zainol, N. A. M., Mohamad, I., & Abidin, Z. Z. (2022). Pentadbiran dan Polisi Pertahanan Negara Pada Zaman Nabi Muhammad SAW. *Integrating Values of Humanities and Social Sciences for Sustainable Future*, 41.
- Sertkaya, S. (2022). A Critical and Historical Overview of the Sīrah Genre from the Classical to the Modern Period. *Religions*, 13(3), 196.
- Sertkaya, S. (2023). *Sīrah Philosophy: A Modern Trajectory for Sīrah Studies*. *Religions*, 14(11), 1440.
- Al-Zabidi, M. M. A. R. (t.t). *Tāj al-‘Urūs min Jawāhir al-Qāmus*. Dar al-Hidayah.
- Al-Zaid, Z. A. K. (2003). *Fiqh al-Sirah*. Riyadh: Dar al-Tadammuriah.
- Zainal Abidin, S. (2022). Kritikan Muhammad Sa’id Ramadan al-Buti Terhadap Orientalis dalam Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah. International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM, (8th), 386–395.  
<https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/38>